

MIKRO EKONOMI

BUKU TUTORIAL VOL.2



SARATULL NOR NATASHA BINTI SAFRI
SANUZEE BINTI SHAFIE

MIKRO EKONOMI

BUKU TUTORIAL VOL.2

Hakcipta Terpelihara © Januari 2025

Kolej Komuniti Bandar Penawar
Kementerian Pendidikan Tinggi.

Semua hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem yang boleh diperbaiki atau disiarkan dalam mana-mana bentuk atau dengan mana-mana alat elektronik, mekanikal fotokopi, perakaman atau yang sebaliknya, tanpa keizinan dari Kolej Komuniti Bandar Penawar, Kementerian Pendidikan Tinggi.

Diterbit dan diedar oleh :

Kolej Komuniti Bandar Penawar, Johor Darul Takzim

e-ISBN: 978-629-99239-6-1

PRAKATA

Kursus Mikroekonomi merupakan salah satu subjek yang ditawarkan kepada pelajar semester 2 bagi program Sijil Pengoperasian Perniagaan di Kolej Komuniti. Secara ringkasnya kursus ini bertujuan tentang konsep dan teori asas ekonomi serta permasalahannya. Penekanan kursus ini adalah terhadap pengetahuan dan pemahaman tentang teori permintaan, penawaran, keseimbangan pasaran, pengeluaran dan kos pengeluaran. Selain itu, kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar dalam menentukan kecekapan pasaran dan kesan campur tangan kerajaan dalam pasaran.

'Buku Tutorial Mikroekonomi Vol.2' merupakan buku yang menyediakan latihan berbentuk objektif dan subjektif mengikut topik. Segala latihan disusun serta diubahsuai oleh Puan Saratull Nor Natasha binti Safri. Pensyarah ini merupakan pensyarah dalam bidang yang telah berpengalaman mengajar melebihi 5 tahun. Selain itu juga, penulis bersama bagi buku ini ialah Puan Sanuzee Binti Shafie yang bertindak sebagai penyemak isi kandungan serta membantu dalam mengubahsuai reka bentuk serta isi kandungan. Buku ini merupakan terbitan kedua yang telah ditambah baik dengan memperbanyakkan soalan objektif serta subjektif berbentuk teori mengikut keperluan silibus semasa.

Objektif modul ini diwujudkan adalah sebagai bahan pembelajaran kendiri pelajar Sijil Pengoperasian Perniagaan bagi membantu pelajar mendapatkan keputusan yang baik di dalam peperiksaan khususnya. Selain itu, bahan rujukan dan ulangkaji bagi peringkat Sijil Kolej Komuniti masih belum ada dipasaran. Kebanyakan bahan rujukan pelajar ini merupakan gabungan dari bahan rujukan pelajar Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia serta pelajar Diploma Politeknik. Oleh itu, bahan rujukan ini diwujudkan mengikut silibus kursus SPP 20203 – Mikroekonomi semasa yang ditawarkan di Kolej Komuniti.

PENULIS



PN.SARATULL NOR NATASHA BINTI SAFRI

**PENSYARAH
SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN
KOLEJ KOMUNITI BANDAR PENAWAR**



PN.SANUZEE BINTI SHAFIE

**PENSYARAH
SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN
KOLEJ KOMUNITI BANDAR PENAWAR**

ISI KANDUNGAN



BIL	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1	TOPIK 1 - PENGENALAN EKONOMI	1- 4
2	TOPIK 2 -PERMINTAAN, PENAWARAN DAN KESEIMBANGAN PASARAN	5 - 8
3	TOPIK 3 - TEORI PENGELUARAN	9 - 12
4	TOPIK 4 - TEORI KOS PENGELUARAN	13 - 16
5	TOPIK 5 - STRUKTUR PASARAN, PENENTUAN HARGA DAN OUTPUT KESEIMBANGAN PASARAN	17 - 20
6	SKEMA JAWAPAN	21

TOPIK 1

-PENGENALAN EKONOMI-



**IMBAS DI SINI UNTUK
MELIHAT NOTA (PPT)**

SOALAN OBJEKTIF

1. Apakah yang dimaksudkan dengan mikroekonomi?

- A) Kajian tentang pengeluaran barang dan perkhidmatan secara besar-besaran.
- B) Kajian tentang tingkah laku individu dan firma dalam membuat keputusan ekonomi.
- C) Kajian tentang kadar pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.
- D) Kajian tentang dasar fiskal dan monetari sesebuah kerajaan.

2. Antara berikut, manakah elemen utama dalam mikroekonomi?

- A) Inflasi dan deflasi.
- B) Permintaan dan penawaran.
- C) Perdagangan antarabangsa.
- D) Dasar kerajaan.

3. Apakah maksud kekurangan dalam mikroekonomi?

- A) Sumber ekonomi tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan dan kehendak manusia.
- B) Kekurangan barang mewah di pasaran.
- C) Ketidakmampuan untuk menjual barang di pasaran.
- D) Barang yang hanya boleh diakses oleh golongan tertentu.

4. Bagaimanakah masalah ekonomi asas diselesaikan?

- A) Dengan menyediakan semua barang secara percuma.
- B) Dengan membuat pilihan berdasarkan kos lepas.
- C) Dengan menetapkan harga barang lebih tinggi.
- D) Dengan mengurangkan jumlah pengguna.

5. Apakah yang dimaksudkan dengan kos lepas?

- A) Kos untuk menghasilkan barang atau perkhidmatan tambahan.
- B) Nilai pilihan terbaik yang terpaksa dilepaskan.
- C) Kos untuk mendapatkan barang yang melebihi harga pasaran.
- D) Jumlah wang yang diperlukan untuk melabur dalam sesuatu projek.

SOALAN OBJEKTIF

6. Jika seorang pelajar memilih untuk menghadiri kelas tambahan daripada bekerja sambilan, apakah kos lepas pelajar ini?

- A) Pendapatan yang hilang daripada kerja sambilan.
- B) Kos pengangkutan bekerja sambilan.
- C) Waktu lapang yang digunakan untuk bekerja.
- D) Pengetahuan yang diperolehi dari kelas tambahan

7. Apakah yang dimaksudkan dengan kehendak manusia dalam konteks ekonomi?

- a) Sesuatu yang diperlukan untuk kelangsungan hidup.
- b) Keinginan untuk memiliki barang atau perkhidmatan yang tidak semestinya diperlukan.
- c) Sumber daya yang digunakan untuk menghasilkan barang.
- d) Proses mengagihkan sumber ekonomi.

8. Manakah antara berikut yang merupakan contoh barang ekonomi?

- a) Udara
- b) Air di sungai
- c) Beras
- d) Cahaya matahari

9. Bagaimanakah barang pengguna boleh dikategorikan?

- a) Barang modal dan barang percuma
- b) Barang awam dan barang swasta
- c) Barang tahan lama dan barang tidak tahan lama
- d) Barang asas dan barang mewah

10. Dalam sistem ekonomi pasaran, siapa yang menentukan jawapan kepada persoalan "untuk siapa barang dihasilkan"?

- a) Kerajaan
- b) Pasaran dan kuasa permintaan dan penawaran
- c) Firma swasta
- d) Badan-badan antarabangsa



SOALAN OBJEKTIF

11. Apakah yang dimaksudkan dengan "masalah asas ekonomi"?

- a) Keputusan mengenai pengeluaran barang yang perlu dibeli oleh individu.
- b) Isu-isu yang timbul akibat kelangkaan sumber dalam memenuhi kehendak manusia.
- c) Proses pengagihan kekayaan dalam masyarakat.
- d) Pengurusan kewangan negara melalui dasar cukai.

12. Masalah asas ekonomi dapat dirumuskan dalam **EMPAT** persoalan utama. Manakah antara berikut , **BUKAN** salah satu daripada persoalan asas ekonomi?

- a) Apa yang perlu dihasilkan?
- b) Bagaimana barang dan perkhidmatan harus dihasilkan?
- c) Siapa yang harus menentukan harga barang?
- d) Untuk siapa barang dihasilkan?

13. Masalah asas ekonomi wujud kerana:

- a) Kekurangan sumber dan keinginan manusia yang tidak terbatas.
- b) Kebebasan individu dalam membuat keputusan.
- c) Peningkatan teknologi yang pesat.
- d) Pengagihan sumber yang adil oleh kerajaan.

14. Apakah yang dimaksudkan dengan "kos lepas" dalam konteks masalah asas ekonomi?

- a) Kos yang dibayar untuk membeli barang tertentu.
- b) Keuntungan yang diperoleh daripada memilih satu alternatif berbanding alternatif lain.
- c) Keputusan yang dibuat oleh kerajaan dalam menguruskan ekonomi.
- d) Perbelanjaan yang dikeluarkan untuk menjalankan aktiviti ekonomi.

15. Barang yang tidak memerlukan bayaran untuk dan wujud secara semula jadi dikenali sebagai:

- a) Barang ekonomi
- b) Barang bebas / percuma
- c) Barang awam
- d) Barang modal



SOALAN SUBJEKTIF

SOALAN 1

a) Apakah yang dimaksudkan dengan mikroekonomi?

(2 markah)

b) Jelaskan perbezaan antara mikroekonomi dan makroekonomi.

(4 markah)

SOALAN 2

a) Kos Lepas adalah salah satu masalah asas ekonomi. Apakah yang dimaksudkan dengan kos lepas?

(2 markah)

b) Setiap ekonomi perlu menyelesaikan tiga masalah asas: apa yang hendak dihasilkan, bagaimana hendak dihasilkan, dan untuk siapa. Terangkan masalah ini dengan contoh.

(6 markah)

SOALAN 3

a) Bagaimanakah sistem ekonomi campuran menangani masalah asas ekonomi ini?

(6 markah)

b) Sumber ekonomi terhad merupakan asas kepada masalah ekonomi. Jelaskan jenis-jenis sumber ekonomi.

(8 markah)

SOALAN 4

a) Jelaskan perbezaan utama antara sistem ekonomi pasaran bebas dan sistem ekonomi perancangan pusat?

(8markah)

b) Apakah ciri-ciri utama sistem ekonomi pasaran?

(4 markah)

TOPIK 2

-PERMINTAAN, PENAWARAN & KESEIMBANGAN PASARAN-



**IMBAS DI SINI UNTUK
MELIHAT NOTA (PPT)**

**SCAN
ME! »**



**UNTUK PAPARAN
AR**

SOALAN OBJEKTIF

1. Apakah yang dimaksudkan dengan hukum permintaan dalam ekonomi?
 - a) Apabila harga barang meningkat, kuantiti yang diminta juga meningkat.
 - b) Apabila harga barang meningkat, kuantiti yang diminta berkurang.
 - c) Apabila harga barang menurun, kuantiti yang diminta tetap.
 - d) Apabila harga barang meningkat, permintaan barang akan meningkat.
2. Apakah faktor yang **TIDAK** mempengaruhi permintaan untuk sesuatu barang?
 - a) Harga barang itu sendiri
 - b) Pendapatan pengguna
 - c) Harga barang pengganti
 - d) Kos pengeluaran barang tersebut
3. Jika harga sesuatu barang menurun, apakah kesan terhadap permintaan barang tersebut menurut teori permintaan?
 - a) Permintaan akan berkurang.
 - b) Permintaan akan meningkat.
 - c) Permintaan akan tetap tidak berubah.
 - d) Permintaan akan menjadi lebih elastik.
4. Apakah yang dimaksudkan dengan permintaan berkeanjalan harga?
 - a) Apabila harga barang berubah, kuantiti yang diminta berubah dengan kadar yang lebih besar.
 - b) Apabila harga barang berubah, kuantiti yang diminta tidak berubah.
 - c) Apabila harga barang berubah, kuantiti yang diminta berubah dengan kadar yang lebih kecil.
 - d) Permintaan barang tidak dipengaruhi oleh perubahan harga.
5. Apakah faktor yang boleh menyebabkan keluk penawaran beralih ke kiri?
 - A) Peningkatan kos bahan mentah.
 - B) Penurunan harga barang alternatif.
 - C) Penurunan cukai kepada pengeluar.
 - D) Peningkatan jumlah pengeluar di pasaran.

SOALAN OBJEKTIF

6. Apakah tujuan utama kerajaan mengenakan dasar penetapan harga?

- A) Untuk meningkatkan hasil pengeluar.
- B) Untuk melindungi pengguna daripada harga yang terlalu tinggi.
- C) Untuk mengurangkan permintaan terhadap barang tertentu.
- D) Untuk menstabilkan harga barang.

7. Apakah kesan utama pengenaan cukai ke atas barang?

- A) Penurunan harga barang.
- B) Penurunan kuantiti permintaan.
- C) Peningkatan kuantiti penawaran.
- D) Penurunan kos pengeluaran.

8. Subsidi diberikan oleh kerajaan untuk:

- A) Meningkatkan kos pengeluaran firma.
- B) Menggalakkan pengeluaran barang tertentu.
- C) Mengurangkan penggunaan barang berbahaya.
- D) Menstabilkan kadar tukaran asing.

9. Apakah maksud harga keseimbangan?

- A) Harga yang ditetapkan oleh kerajaan.
- B) Harga di mana kuantiti permintaan sama dengan kuantiti penawaran.
- C) Harga yang menyebabkan lebihan barang di pasaran.
- D) Harga yang tidak berubah sepanjang masa.

10. Apakah yang dimaksudkan dengan kesan pendapatan dalam teori permintaan?

- a) Perubahan dalam kuantiti yang diminta disebabkan oleh perubahan dalam harga barang pengganti.
- b) Perubahan dalam kuantiti yang diminta disebabkan oleh perubahan pendapatan pengguna.
- c) Perubahan dalam harga barang disebabkan oleh perubahan dalam keinginan pengguna.
- d) Perubahan dalam kuantiti yang diminta disebabkan oleh pengenalan barang baru.

SOALAN OBJEKTIF

11. Apakah yang dimaksudkan dengan keseimbangan pasaran?
- a) Keadaan di mana kuantiti yang diminta lebih tinggi daripada kuantiti yang ditawarkan.
 - b) Keadaan di mana kuantiti yang diminta sama dengan kuantiti yang ditawarkan pada harga tertentu.
 - c) Keadaan di mana tiada permintaan terhadap barang tersebut.
 - d) Keadaan di mana permintaan dan penawaran tidak dipengaruhi oleh harga.
12. Apakah yang berlaku apabila harga berada di atas harga keseimbangan ?
- a) Terdapat lebihan permintaan.
 - b) Terdapat lebihan penawaran.
 - c) Permintaan dan penawaran adalah seimbang.
 - d) Harga akan turun ke tahap keseimbangan secara automatik.
13. Apakah faktor yang **TIDAK** mempengaruhi dalam keluk permintaan dan penawaran?
- a) Perubahan harga barang
 - b) Perubahan dalam pendapatan pengguna
 - c) Perubahan dalam jumlah pengeluaran barang
 - d) Perubahan dalam sistem solar
14. Apakah peranan kerajaan dalam penentuan tingkat harga di pasaran?
- a) Kerajaan menetapkan harga maksimum dan harga minimum untuk mengawal harga.
 - b) Kerajaan tidak campur tangan dalam penentuan harga pasaran.
 - c) Kerajaan hanya mengawal harga barang-barang mewah.
 - d) Kerajaan menggalakkan harga berdasarkan permintaan sahaja.
15. Apakah kesan yang berlaku jika kerajaan menetapkan harga maksimum yang lebih rendah daripada harga keseimbangan pasaran?
- a) Terdapat lebihan penawaran.
 - b) Terdapat lebihan permintaan.
 - c) Pasaran mencapai keseimbangan baru.
 - d) Harga pasaran akan meningkat.

SOALAN SUBJEKTIF

SOALAN 1

a) Jelaskan dengan terperinci konsep hukum permintaan dan bagaimana ia mempengaruhi keputusan pengguna dalam pasaran.

(2 markah)

b) Apakah yang dimaksudkan dengan keluk permintaan? Jelaskan bagaimana perubahan dalam faktor selain harga, seperti pendapatan atau cita rasa, boleh menyebabkan pertembungan pada keluk permintaan.

(4 markah)

SOALAN 2

a) Huraikan bagaimana hukum penawaran berfungsi dalam pasaran dan bagaimana ia berbeza daripada hukum permintaan.

(2 markah)

b) Apakah yang dimaksudkan dengan keseimbangan pasaran? Jelaskan bagaimana keseimbangan ini tercapai apabila kuantiti yang diminta sama dengan kuantiti yang ditawarkan.

(4 markah)

SOALAN 3

Kerajaan sering campur tangan dalam pasaran untuk memastikan keadilan harga. Jelaskan bagaimana pengenalan subsidi atau cukai dapat mempengaruhi harga barang di pasaran. Apakah kesan terhadap pengguna dan pengeluar apabila kerajaan mengubah kadar subsidi atau cukai?

(4 markah)

SOALAN 4

Jelaskan peranan kerajaan dalam penentuan harga maksimum (harga siling) dan bagaimana keputusan tersebut dapat mempengaruhi keseimbangan pasaran serta kesejahteraan pengguna dan pengeluar. Berikan contoh yang relevan dalam pasaran barang keperluan.

(4 markah)

TOPIK 3

-TEORI PENGELUARAN-



**IMBAS DI SINI UNTUK
MELIHAT NOTA (PPT)**

SOALAN OBJEKTIF

1. Apakah yang dimaksudkan dengan teori pengeluaran?
 - a) Kajian tentang penawaran barang dalam pasaran.
 - b) Kajian tentang bagaimana firma menghasilkan barang dan perkhidmatan.
 - c) Kajian tentang permintaan terhadap barang oleh pengguna.
 - d) Kajian tentang perubahan harga barang di pasaran.
2. Faktor pengeluaran terdiri daripada:
 - a) Tanah, buruh, modal, dan keusahawanan.
 - b) Permintaan, penawaran, dan harga.
 - c) Kos tetap, kos berubah, dan kos marginal.
 - d) Pengeluaran maksimum dan minimum.
3. Apakah tujuan utama firma dalam teori pengeluaran?
 - a) Mengurangkan kos tetap.
 - b) Mengoptimumkan keuntungan.
 - c) Meningkatkan permintaan pengguna.
 - d) Menstabilkan harga pasaran.
4. Apakah yang dimaksudkan dengan fungsi pengeluaran?
 - a) Hubungan antara input dan output dalam proses pengeluaran.
 - b) Hubungan antara harga dan kos barang.
 - c) Hubungan antara pengguna dan pengeluar.
 - d) Hubungan antara permintaan dan penawaran.
5. Apakah contoh input tetap dalam proses pengeluaran?
 - a) Bahan mentah
 - b) Mesin kilang
 - c) Gaji pekerja tambahan
 - d) Bil elektrik

SOALAN OBJEKTIF

6. Apakah yang dimaksudkan dengan pulangan bertambah?
- a) Output meningkat pada kadar yang lebih tinggi berbanding input.
 - b) Output meningkat pada kadar yang sama dengan input.
 - c) Output menurun walaupun input meningkat.
 - d) Kos pengeluaran meningkat lebih cepat daripada output.
7. Manakah antara berikut yang merupakan faktor pengeluaran berubah?
- a) Kilang
 - b) Mesin
 - c) Buruh sementara
 - d) Bangunan pejabat
8. Apakah yang berlaku apabila firma mencapai tahap pulangan berkurangan ?
- a) Output bertambah pada kadar yang sama dengan input.
 - b) Output bertambah pada kadar yang lebih rendah berbanding input.
 - c) Output menurun walaupun input bertambah.
 - d) Input tetap tidak digunakan sepenuhnya.
9. Konsep keluaran purata merujuk kepada:
- a) Jumlah output yang dihasilkan oleh setiap unit input
 - b) Jumlah keseluruhan input digunakan dalam pengeluaran
 - c) Perbezaan antara output maksimum dan minimum
 - d) Kadar pertumbuhan output dalam tempoh tertentu
10. Dalam jangka pendek, pengeluaran adalah terhad kerana:
- a) Semua input adalah berubah
 - b) Input tetap tidak boleh diubah
 - c) Sumber tenaga kerja adalah tidak mencukupi
 - d) Teknologi sentiasa berubah

SOALAN OBJEKTIF

11. Pengeluaran maksimum boleh dicapai apabila:
- a) Kos tetap adalah sifar
 - b) Semua input digunakan secara optimum
 - c) Input berubah adalah dikurangkan
 - d) Buruh digunakan secara minimum
12. Bagaimanakah teknologi mempengaruhi pengeluaran?
- a) Mengurangkan kos tetap
 - b) Meningkatkan kecekapan dalam proses pengeluaran
 - c) Meningkatkan kos berubah
 - d) Mengurangkan permintaan terhadap barang
13. Apakah tujuan utama analisis pengeluaran dalam firma?
- a) Mengurangkan penggunaan input
 - b) Menentukan kaedah pengeluaran paling cekap
 - c) Memaksimumkan stok bahan mentah
 - d) Mengurangkan kos buruh
14. Apakah perbezaan utama antara input tetap dan input berubah?
- a) Input tetap berubah mengikut tahap pengeluaran, manakala input berubah kekal sama
 - b) Input tetap kekal sama tanpa mengira output, manakala input berubah bergantung kepada tahap output
 - c) Input tetap hanya digunakan dalam jangka panjang, manakala input berubah hanya digunakan dalam jangka pendek
 - d) Input tetap melibatkan kos berubah, manakala input berubah melibatkan kos tetap
15. Apakah tujuan utama firma meningkatkan produktiviti faktor pengeluaran?
- a) Untuk mengurangkan permintaan terhadap barang.
 - b) Untuk meningkatkan keuntungan dan daya saing.
 - c) Untuk mengurangkan kos tetap sahaja.
 - d) Untuk mengehadkan jumlah output.

SOALAN SUBJEKTIF

SOALAN 1

- a) Jelaskan perbezaan antara input tetap dan input berubah dalam proses pengeluaran.
- b) Apakah yang dimaksudkan dengan fungsi pengeluaran? Berikan contohnya.

SOALAN 2

- a) Huraikan faktor pengeluaran tetap dan berubah ?
- b) Bagaimana teknologi dapat meningkatkan kecekapan dalam proses pengeluaran?

SOALAN 3

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan kos marginal, dan bagaimana ia mempengaruhi keputusan firma?
- b) Jelaskan bagaimana keluaran purata dan keluaran marginal berubah sepanjang peringkat pengeluaran. Apakah kaitannya dengan hukum pulangan berkurangan?

SOALAN 4

Jelaskan EMPAT konsep pengeluaran ?

TOPIK 4

-TEORI KOS PENGELUARAN-



**IMBAS DI SINI UNTUK
MELIHAT NOTA (PPT)**

SOALAN OBJEKTIF

1. Apakah yang dimaksudkan dengan kos marginal?
 - a) Kos tetap untuk setiap unit output.
 - b) Kos tambahan untuk menghasilkan satu unit tambahan output.
 - c) Kos keseluruhan pengeluaran.
 - d) Kos perubahan input tetap.
2. Bagaimanakah teknologi mempengaruhi pengeluaran?
 - a) Mengurangkan kos tetap
 - b) Meningkatkan kecekapan dalam proses pengeluaran
 - c) Meningkatkan kos berubah
 - d) Mengurangkan permintaan terhadap barang
3. Apakah kesan peningkatan kos input terhadap penawaran barang?
 - a) Penawaran meningkat
 - b) Penawaran menurun
 - c) Harga barang menurun
 - d) Permintaan meningkat
4. Apakah hubungan antara kos purata dan kos marginal?
 - a) Kos purata sentiasa lebih tinggi daripada kos marginal.
 - b) Kos purata akan meningkat apabila kos marginal melebihi kos purata.
 - c) Kos marginal tidak mempengaruhi kos purata.
 - d) Kos purata akan menurun apabila kos marginal meningkat.
5. Apakah tujuan utama firma meningkatkan produktiviti faktor pengeluaran?
 - a) Untuk mengurangkan permintaan terhadap barang.
 - b) Untuk meningkatkan keuntungan dan daya saing.
 - c) Untuk mengurangkan kos tetap sahaja.
 - d) Untuk mengehadkan jumlah output.

SOALAN OBJEKTIF

6. Kos tetap adalah kos yang:

- a) Berubah dengan tahap pengeluaran
- b) Tidak berubah dengan tahap pengeluaran
- c) Menurun apabila output meningkat
- d) Berkaitan langsung dengan input berubah

7. Kos berubah merujuk kepada:

- a) Kos yang tidak berubah tanpa mengira output
- b) Kos tambahan untuk setiap unit output tambahan
- c) Kos yang meningkat atau menurun mengikut tahap pengeluaran
- d) Kos yang berkaitan dengan input tetap

8. Apakah yang dimaksudkan dengan kos purata?

- a) Kos setiap unit input berubah
- b) Kos keseluruhan output dibahagi dengan jumlah unit output
- c) Kos yang tidak berubah pada setiap tahap pengeluaran
- d) Kos tambahan untuk satu unit tambahan output

9. Apabila kos marginal adalah lebih rendah daripada kos purata, maka:

- a) Kos purata akan meningkat
- b) Kos purata akan menurun
- c) Kos marginal juga akan meningkat
- d) Kos marginal tidak mempengaruhi kos purata

10. Kos tetap purata ialah:

- a) Kos tetap dibahagi dengan jumlah unit output
- b) Kos keseluruhan dibahagi dengan output marginal
- c) Kos berubah ditambahkan kepada kos tetap
- d) Kos marginal ditolak daripada kos tetap

SOALAN OBJEKTIF

11. Kos berubah purata ialah:
- a) Kos berubah dibahagi dengan jumlah unit output
 - b) Kos tetap ditolak daripada kos marginal
 - c) Kos berubah ditambahkan kepada output marginal
 - d) Kos tetap dibahagi dengan output marginal
12. Kos berubah merujuk kepada:
- a) Kos yang tidak berubah tanpa mengira output
 - b) Kos tambahan untuk setiap unit output tambahan
 - c) Kos yang meningkat atau menurun mengikut tahap pengeluaran
 - d) Kos yang berkaitan dengan input tetap
13. Apakah kesan ke atas kos purata apabila kos marginal melebihi kos purata?
- a) Kos purata menurun
 - b) Kos purata meningkat
 - c) Kos purata kekal sama
 - d) Kos purata menjadi sifar
14. Apakah bentuk keluk kos purata jangka pendek?
- a) Menegak
 - b) U-terbalik
 - c) Linear
 - d) Melintang
15. Apabila output meningkat dalam jangka panjang, kos purata jangka panjang akan:
- a) Sentiasa meningkat
 - b) Sentiasa menurun
 - c) Mula menurun dan kemudian meningkat
 - d) Tidak berubah

SOALAN SUBJEKTIF

SOALAN 1

Jelaskan perbezaan antara kos tetap dan kos berubah. Berikan contoh bagi setiap jenis kos dalam konteks perniagaan kecil.

SOALAN 2

Huraikan konsep kos purata dan kos marginal. Terangkan bagaimana perubahan dalam kos marginal mempengaruhi kos purata sesebuah firma.

SOALAN 3

- Bincangkan bagaimana hukum pulangan berkurangan mempengaruhi kos marginal dalam proses pengeluaran.
- Bagaimakah firma boleh menguruskan kesan pulangan berkurangan untuk mengoptimumkan kos pengeluaran?

SOALAN 4

Terangkan bagaimana kos jangka pendek dan kos jangka panjang berbeza dari segi penyesuaian input dan keputusan firma.

TOPIK 5

-STRUKTUR PASARAN, PENENTUAN HARGA & OUTPUT KESEIMBANGAN PASARAN -



**IMBAS DI SINI UNTUK
MELIHAT NOTA (PPT)**

SOALAN OBJEKTIF

1. Apakah maksud hasil dalam konteks ekonomi?

- a) Jumlah kos pengeluaran
- b) Jumlah pendapatan yang diperoleh daripada jualan
- c) Perbezaan antara kos tetap dan kos berubah
- d) Jumlah keuntungan bersih

2. Apakah untung ekonomi?

- a) Perbezaan antara hasil dengan kos eksplisit sahaja
- b) Perbezaan antara hasil dengan kos eksplisit dan kos implisit
- c) Jumlah hasil tolak kos tetap
- d) Pendapatan bersih syarikat selepas cukai

3. Untung perakaunan ditentukan berdasarkan:

- a) Semua kos eksplisit
- b) Kos eksplisit dan implisit
- c) Kos tetap sahaja
- d) Kos berubah sahaja

4. Apakah perbezaan utama antara untung perakaunan dan untung ekonomi?

- a) Untung perakaunan tidak mengambil kira kos implisit
- b) Untung ekonomi hanya mengambil kira kos tetap
- c) Untung perakaunan sentiasa lebih rendah daripada untung ekonomi
- d) Untung ekonomi tidak mengambil kira hasil syarikat

5. Apakah bentuk untung apabila hasil syarikat hanya mencukupi untuk menampung kos eksplisit dan implisit?

- a) Untung ekonomi positif
- b) Untung normal
- c) Untung perakaunan negatif
- d) Untung maksimum

SOALAN OBJEKTIF

6. Dalam pasaran monopoli, firma:

- a) Tidak mempunyai kawalan ke atas harga
- b) Mempunyai kawalan penuh ke atas harga
- c) Menghadapi persaingan yang sengit
- d) Tidak memaksimumkan untung

7. Dalam pasaran monopoli, sekatan kemasukan biasanya berlaku kerana:

- a) Kos pengeluaran yang tinggi
- b) Hak paten atau lesen khas
- c) Pasaran yang terlalu kecil
- d) Banyak pesaing kecil

8. Dalam pasaran persaingan sempurna, keluk permintaan firma adalah:

- a) Menurun dari kiri ke kanan
- b) Meningkat dari kiri ke kanan
- c) Mendatar
- d) Berbentuk U terbalik

9. Firma dalam pasaran persaingan sempurna akan menutup operasi apabila:

- a) Kos tetap lebih tinggi daripada hasil
- b) Hasil purata lebih rendah daripada kos purata berubah
- c) Kos marginal lebih tinggi daripada hasil marginal
- d) Kos berubah lebih rendah daripada kos tetap

10. Bagaimanakah output keseimbangan ditentukan dalam pasaran persaingan sempurna?

- a) Apabila kos tetap adalah sifar
- b) Apabila $MR = MC$
- c) Apabila hasil purata adalah maksimum
- d) Apabila keluk permintaan adalah elastik

SOALAN OBJEKTIF

11. Dalam pasaran persaingan sempurna, firma hanya boleh memperoleh untung normal dalam:

- a) Jangka pendek
- b) Jangka panjang
- c) Jangka pendek dan jangka panjang
- d) Situasi monopoli

12. Jika harga pasaran jatuh di bawah kos purata, firma akan:

- a) Terus beroperasi tanpa perubahan
- b) Mengurangkan output
- c) Menutup operasi
- d) Meningkatkan pelaburan

13. Keluk hasil purata firma dalam pasaran persaingan sempurna adalah sama dengan:

- a) Kos marginal
- b) Kos tetap
- c) Harga pasaran
- d) Hasil marginal

14. Dalam pasaran persaingan sempurna, keuntungan maksimum dicapai apabila:

- a) Harga sama dengan kos tetap
- b) Kos marginal sama dengan hasil marginal
- c) Kos berubah lebih rendah daripada hasil purata
- d) Kos purata adalah sifar

15. Firma akan terus beroperasi dalam jangka pendek walaupun mengalami kerugian jika:

- a) Hasil purata melebihi kos berubah purata
- b) Kos tetap lebih tinggi daripada kos berubah
- c) Kos marginal lebih tinggi daripada harga
- d) Keluk hasil purata adalah elastik

SOALAN SUBJEKTIF

SOALAN 1

Jelaskan perbezaan antara untung ekonomi, untung perakaunan, dan untung normal. ?

SOALAN 2

Huraikan ciri-ciri pasaran persaingan sempurna dan bandingkan dengan pasaran monopoli.

SOALAN 3

Huraikan bagaimana firma dalam pasaran persaingan sempurna mencapai keseimbangan dalam jangka panjang.

SOALAN 4

Terangkan bagaimana pendekatan $MR = MC$ digunakan untuk menentukan output keseimbangan firma.



SKEMA JAWAPAN & FORMULA

SKEMA JAWAPAN

SCAN ME





KOLEJ KOMUNITI BANDAR PENAWAR
JALAN UNGKU ABD AZIZ
81930 BANDAR PENAWAR
JOHOR